

Apa Yang Saya Perlu Tahu Semasa Menjalani Rawatan Batuk Kering (TB)?

- Menjalani Terapi Pengawasan Langsung (DOT), di mana anda perlu mengambil ubat TB anda di bawah pengawasan di poliklinik, adalah cara terbaik untuk memastikan pemulihan sepenuhnya daripada TB.
- Jika anda mengambil ubat seperti yang ditetapkan, anda tidak lagi membawa penyakit berjangkit selepas beberapa minggu dan tidak akan menyebarkan TB kepada keluarga dan rakan anda.
- TB tidak boleh merebak dengan berkongsi cawan dan perkakas, oleh itu anda masih boleh makan bersama keluarga semasa tempoh rawatan anda. .
- Anda boleh terus bekerja semasa anda menjalani rawatan.



Jika anda memerlukan lebih banyak maklumat, berbincanglah dengan doktor keluarga anda atau hubungi Unit Kawalan TB TTSH.



Unit Kawalan Batuk Kering
Specialist Outpatient Clinic K
144 Moulmein Road
Singapore 308089
Info Maklumat:
6356 5294



© Hospital Tan Tock Seng, Singapura 2018. Hak cipta terpelihara. Semua maklumat adalah tepat sehingga Juli 2018. Tidak ada sebarang bahagian daripada dokumen ini yang boleh diterbitkan semula, disalin, disusun semula, diadaptasikan, diedarkan, dieksploitasi secara komersil, dipamerkan atau disimpan di dalam pangkalan data, sistem capaian atau disalurkan dalam sebarang bentuk tanpa mendapat kebenaran Hospital Tan Tock Seng terlebih dahulu. Semua maklumat dan bahan yang ada dalam dokumen ini adalah untuk tujuan maklumat sahaja dan bukan bertujuan untuk menggantikan sebarang nasihat yang diberikan oleh doktor anda atau karyawan perubatan yang lain.

PECC-TCU-ED-2018-241M-v1



Unit Kawalan Batuk Kering

Merawat Batuk Kering



Cara Batuk Kering Dirawat?


Walaupun Batuk Kering (TB) adalah penyakit serius, ia boleh disembuhkan sepenuhnya dengan rawatan yang betul.

TB dirawat dengan mengambil gabungan ubat-ubatan selama enam hingga sembilan bulan. Kebanyakannya adalah dalam bentuk pil. Sesetengah orang juga mungkin memerlukan suntikan selama beberapa minggu.



Kebanyakan orang yang didapati menghidap TB tidak perlu dimasukkan ke hospital untuk rawatan.

Namun, semua pesakit TB perlu menjalani Terapi Pengawasan Langsung (DOT), satu kemestian di bawah Program Penghapusan TB Singapura (STEP). Semasa terapi ini, pesakit mengambil ubat TB mereka di bawah pengawasan di poliklinik berhampiran rumah atau tempat kerja mereka.



Terapi Pengawasan Langsung (DOT)

Apakah Antara Kesan Sampingan Ubat Batuk Kering?

Ubat-ubatan yang digunakan untuk merawat TB umumnya selamat.

Namun, sesetengah pesakit mungkin mengalami kesan sampingan berikut:

- Mabuk
- Ruam
- Demam
- Jaundis (kulit atau mata menguning)

Sekiranya anda mengalami sebarang kesan sampingan seperti di atas, sila beritahu doktor atau pasukan penjagaan kesihatan dengan segera.

Di samping itu, ubat-ubatan TB tertentu boleh menyebabkan warna air kencing anda menjadi merah atau oren. Jika anda mengalami keadaan ini, jangan risau kerana ia tidak berbahaya. Kesan ini akan hilang setelah ubat dihentikan.

Adakah Saya Perlu Melengkapkan Rawatan Tuberkulosis Sepenuhnya?

Adalah amat penting bagi anda melengkapkan rawatan penuh TB seperti yang ditetapkan.

Biarpun anda akan mula rasa lebih baik selepas beberapa minggu pertama rawatan, bakteria TB masih wujud di dalam badan anda pada masa ini.

Supaya pulih sepenuhnya, anda mesti melengkapkan pemakanan ubat, biarpun anda tidak lagi mengalami sebarang simptom.

Apakah Yang Akan Berlaku Jika Saya Tidak Melengkapkan Rawatan Tuberkulosis Keseluruhan?

Sekiranya anda tidak melengkapkan rawatan TB sepenuhnya, bakteria TB yang kekal di dalam badan anda boleh berlipat ganda, menyebabkan anda sakit semula.

Di samping itu, bakteria TB boleh berkembang dan boleh menangkis ubat yang anda ambil (bermakna ubat yang anda ambil tidak lagi berkesan terhadap bakteria itu).

Jika anda dijangkiti TB yang tahan pelbagai ubat (MDR) bererti:

- Anda perlu mengambil satu set ubat yang berbeza. Ubat merawat MDR-TB perlu diambil bagi jangka masa yang lebih lama dan biasanya menyebabkan lebih banyak kesan sampingan.



MDR-TB ubat pengambilan selama 20 hingga 24 bulan

- Kemungkinan pemulihan daripada MDR-TB akan berkurangan.
- Anda boleh menyebarkan MDR-TB kepada orang yang anda sayangi.